

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)

SOALAN

YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kajian yang Kementerian telah jalankan terhadap potensi menjana tenaga elektrik daripada susut-pasang air laut (*tidal power*).

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian tidak menjalankan sebarang kajian bagi mengenalpasti potensi penjanaan tenaga elektrik dari tenaga pasang surut (*tidal energy*).

Sekian, terima kasih

.....

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
DARIPADA [SUNGAI SIPUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Datuk Bazlan bin Baharuddin dari Gua Musang merupakan pemilik ataupun pengarah mana-mana syarikat keselamatan yang kini memberi perkhidmatan keselamatan bagi sekolah-sekolah Kerajaan memandangkan beliau tidak membayar gaji kerja lebih masa kepada 33 orang pegawai keselamatan di Perak Tengah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan semakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Syarikat Bazlan Security telah dibatalkan Lesen Agensi Persendirian pada tahun 2017 oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Buat masa ini, KPM sedang menyemak sama ada Datuk Bazlan bin Baharuddin merupakan pemilik ataupun pengarah mana-mana syarikat yang sedang memberi perkhidmatan keselamatan kepada sekolah-sekolah.

RT24/275

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
DARIPADA IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak kuarters guru yang membazir tidak diduduki seperti di Sg Petani, Kuala Selangor dan lain-lain akibat pengurusan yang lemah dan dicadang diwujudkan kontrak pengurusan kuarters ini untuk seluruh negara.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, terdapat 15,402 unit kuarters yang tidak diduduki daripada 48,145 unit kuarters di seluruh negara. Pengisian kuarters adalah berdasarkan permohonan daripada warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak luar. Peruntukan pembaikan atau penyelenggaraan kuarters KPM juga disalurkan berdasarkan permohonan daripada Jabatan Pendidikan Negeri.

RT24/275